



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: www.kwp.gov.my

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

WARGA EMAS TERIMA RUMAH PROGRAM BAITI JANNATI @WILAYAH PERSEKUTUAN

KUALA LUMPUR, 27 Februari – Leong Thye, 72 tahun adalah salah seorang daripada lapan (8) keluarga miskin dari komuniti Cina yang terpilih menerima rumah percuma melalui Program Baiti Jannati @ Wilayah Persekutuan. Beliau tinggal bersama isteri dan seorang anak yang telah bekeluarga bersama 2 orang cucunya. Beliau yang tiada pekerjaan hanya bergantung harap kepada pendapatan anaknya bagi menyara mereka sekeluarga. Beliau sekeluarga telah menyewa hampir 15 tahun di PPR Beringin, Kepong begitu teruja apabila terpilih untuk menerima unit kediaman secara percuma ini. Pemberian rumah ini adalah sebagai hadiah sempena sambutan Tahun Baru Cina yang disambut baru-baru ini.

YB Datuk Seri Utama Tengku Adnan Bin Tengku Mansor, Menteri Wilayah Persekutuan turut menyampaikan unit kediaman percuma ini kepada 45 komuniti melayu dan tiga (3) komuniti india di dalam Program CSR Baiti Jannati @ Wilayah Persekutuan yang diadakan di Auditorium DBKL hari ini.

Keluarga melayu miskin tegar yang menerima pemberian rumah pada hari ini adalah merupakan sumbangan wang zakat daripada Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan juga Tenaga Nasional Berhad yang mana masing-masing menyumbangkan sebanyak RM819,000 dan RM1.5juta. Wang zakat tersebut diserahkan kepada Badan Amal Kasih Ibu Wilayah Persekutuan untuk membantu golongan asnaf di Wilayah Persekutuan. Manakala bagi komuniti bukan melayu pula dibantu menerusi sumbangan

daripada pelbagai organisasi korporat lain yang turut memberikan sumbangan mereka kepada tabung Badan Amal Kasih Ibu Wilayah Persekutuan.

Kesemua 56 penerima rumah Baiti Jannati @ Wilayah Persekutuan menerima unit kediaman yang telah dinaik taraf melalui pembaikan kecil serta dilengkapi dengan perabot asas seperti set sofa, meja makan, almari pakaian, tilam, kabinet dapur serta barang elektrik.

Program CSR Baiti Jannati @ Wilayah Persekutuan ini dilaksanakan sempena sambutan Hari Wilayah Persekutuan di bawah kluster inisiatif tanggungjawab sosial korporat. Sehingga kini, sebanyak 113 unit kediaman di PPR dan Perumahan Awam DBKL telah diserahkan kepada individu atau keluarga dari golongan miskin tegar dan miskin bandar di Wilayah Persekutuan.

Terdahulu, sebanyak 10 keluarga telah dibantu di Wilayah Persekutuan Labuan melalui program yang sama di mana masing-masing menerima RM15,000 bagi membaik pulih unit kediaman sedia ada serta membeli kelengkapan rumah baharu mengikut keperluan. Diharapkan melalui inisiatif ini akan menambahkan keceriaan dalam kehidupan komuniti selaras dengan tema Hari Wilayah Persekutuan iaitu “Wilayah Ceria Rakyat Sejahtera”.

Disediakan oleh:

Bahagian Komunikasi Korporat

Kementerian Wilayah Persekutuan